

15 AUG 1996

Mahathir-Sanusi

PENDAPAT SANUSI BERBEZA DENGAN OSMAN AROFF, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembatalan dan kajian semula beberapa projek di negeri Kedah oleh Menteri Besar yang baru, Datuk Seri Sanusi Junid, bukan dibuat kerana keputusan Menteri Besar sebelumnya, Tan Sri Osman Aroff, adalah salah.

Perdana Menteri berkata, Sanusi melakukan demikian kerana beliau mempunyai pendapat dan pendekatan yang berbeza dengan Osman berhubung projek-projek itu.

"Dia (Sanusi) tak batal secara menyeluruh. Dia kaji satu persatu, yang mana patut didahulukan, yang mana tidak," katanya ketika ditanya pemberita selepas melawat Ibu Pejabat Polis Persekutuan di Bukit Aman, di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas pembatalan dan kajian semula beberapa projek di negeri Kedah yang dibuat oleh Sanusi sejak mengambil-alih pentadbiran negeri itu daripada Osman.

Yang terbaru, penarikan diri negeri Kedah daripada menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) 1998 kerana Sanusi ingin memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih mendatangkan manfaat kepada rakyat negeri itu.

Dr Mahathir berkata, Sanusi membuat keputusan itu mungkin disebabkan faktor kewangan yang dijangka membebankan kerajaan negeri jika ia menganjurkan sukan berkenaan.

Sebagai contoh, beliau berkata, Kerajaan Negeri Kedah sebelum ini pernah bercadang menjual tanah milik kerajaan untuk membina stadium yang diperlukan bagi tujuan SUKMA.

Bagaimanapun, cadangan itu telah dibatalkan kerana Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memberi bantuan bagi membina stadium berkenaan, katanya.

"Dalam pada itu kita (Kerajaan Persekutuan) perlu kaji juga bantuan yang diperlukan kerana jumlah yang dipohon itu banyak," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan oleh Sanusi sekarang lebih banyak menunjukkan perbezaan pendapat dan pendekatan dalam melaksanakan sesuatu projek, bukannya keputusan yang dibuat oleh Osman sebelum ini salah.

Mengenai pemecatan Pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming daripada parti itu, Perdana Menteri berkata, tindakan tegas parti Gerakan itu menunjukkan ia benar-benar menyokong konsep Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata BN tidak boleh memberi pengecualian kepada mana-mana anggotanya setelah sesuatu keputusan dibuat mengenai sesuatu perkara.

"Apabila keputusan telah dibuat oleh BN, semua pihak mesti patuh. Tak ada pengecualian, kalau tidak hancur BN," katanya.

Semalam, Kong dipecat daripada Gerakan kerana tidak menyokong pindaan kepada Enakmen Perhutanan Negeri Sabah 1968 yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri itu Jun lepas.

Ketika ditanya mengenai tindakan terhadap calon-calon yang masih berkempen menjelang pemilihan Umno Oktober ini, Dr Mahathir berkata, Majlis Tertinggi (MT) hanya boleh bertindak jika terdapat bukti yang kukuh.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata nama calon-calon yang melanggar arahan larangan berkempen itu akan dikeluarkan daripada senarai mereka yang layak bertanding.

"Orang yang macam ini memang tak sesuai untuk memimpin Umno kerana dia tidak mempunyai moral. Kalau kita benarkan orang yang tidak mempunyai moral memimpin Umno, Umno akan hancur," katanya. -- BERNAMA

AH NMO